

## **D.R. 35/94**

### **Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

# **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN AMANAH RAYA 1994**

## **SUSUNAN FASAL**

### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

### **BAHAGIAN II**

#### **PEMBENTUKAN DAN PEMUNYAAN PERBADANAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELETAKHAKAN**

3. Perbadanan.
4. Peruntukan-peruntukan peletakhakan.
5. Pemegang permulaan Kerajaan dalam Perbadanan.
6. Pelaburan Kerajaan dalam penerbitan selanjutnya syer Perbadanan.
7. Kakitangan.
8. Kerajaan Malaysia akan memegang kesemua syer dalam Perbadanan.
9. Menteri Kewangan hendaklah memegang syer.

### **BAHAGIAN III**

#### **FUNGSI, KUASA DAN KEWAJIPAN PERBADANAN**

10. Objektif.
11. Perlantikan Perbadanan.
12. Perlantikan Perbadanan sebagai pemegang amanah atau wasi.

## Fasal

13. Pemberian probet dan surat kuasa mentadbir kepada Perbadanan.
14. Perlantikan Perbadanan sebagai ganti wasi, dsb.
15. Perbadanan boleh memohon bagi mendapatkan pemberian apabila pemberi gagal mengambil surat kuasa mentadbir.
16. Perbadanan boleh mengambil milik harta.
17. Pentadbiran terus harta alih.
18. Pentadbiran harta pusaka yang kecil nilainya.
19. Pembayaran bagi penyenggaraan orang belum dewasa.
20. Wang tak dibahagikan.
21. Perbadanan boleh mewakili orang belum dewasa.
22. Agensi.

## BAHAGIAN IV

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

## PENGAL 1

*Akaun Bank dan Kuasa untuk Melabur*

23. Akaun bank.
24. Kuasa untuk melabur.

## PENGAL 2

*Kumpulan Wang Bersama*

25. Pembentukan Kumpulan Wang Bersama.
26. Ketakmasukan ke dalam Kumpulan Wang Bersama.
27. Pembayaran bunga atas wang modal dalam Kumpulan Wang Bersama.
28. Liabiliti Perbadanan.
29. Kumpulan Wang Rizab Am.

## PENGAL 3

*Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan*

30. Pembentukan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan.
31. Arahan.
32. Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan bukanlah perkongsian, dsb.

PENGGAL 4

*Fee*

*Fasal*

33. Fee yang dikenakan oleh Perbadanan.

BAHAGIAN V

AM

34. Pengecualian daripada kena memberi jaminan.
35. Pengecualian daripada kena memberi notis mengenai pembahagian harta.
36. Pendaftaran Perbadanan bukanlah notis mengenai amanah.
37. Akaun tahunan, dsb.
38. Permohonan kepada Mahkamah.
39. Prosiding undang-undang.
40. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.
41. Kuasa untuk memberikan arahan.
42. Perbadanan hendaklah menyiasat atas arahan.
43. Pemansuhan dan kecualian.



## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda undang-undang berhubung dengan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka, untuk membuat peruntukan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka pada suatu syarikat, untuk mengawalselia penjalanan fungsi dan kuasa oleh syarikat dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Amanah Raya 1994.

Tajuk ringkas  
dan mula  
berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya semua atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan Negeri atau bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"amanah" termasuklah kewasian atau hal tadbir; dan "pemegang amanah" hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

"hak" ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif;

"harta" termasuk segala harta, alih atau tak alih, dan segala harta pusaka, kepentingan, isemen dan hak, sama ada secara ekuiti atau di sisi undang-undang dalam, kepada atau daripada harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik;

"harta amanah" termasuklah segala harta dalam milik atau di bawah kawalan, keseluruhannya atau sebahagiannya, Perbadanan menurut kuasa apa-apa amanah;

"harta pusaka" ertinya apa-apa harta yang ditadbirkan, dipegang, diuruskan atau dikawal oleh Perbadanan sama ada sebagai pemegang amanah atau pentadbir atau penjaga, penerima, penerima dan pengurus, pelikuidasi atau wakil, atau atas apa-apa sifat lain;

"Kumpulan Wang Bersama" ertinya Kumpulan Wang Bersama yang dibentuk di bawah seksyen 25;

"Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan" atau "Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan yang dibentuk di bawah seksyen 30;

"liabiliti" ertinya tiap-tiap jenis liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi (sama ada masa kini atau pada masa hadapan, sebenar atau kontingen, dan sama ada kena dibayar atau dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah itu dan termasuklah, dalam hal jika mana-mana daripada mereka diberikan kuasa untuk bertindak, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pentadbiran amanah dan harta pusaka;

"Pegawai Pentadbir Pusaka" ertinya Pegawai Pentadbir Pusaka, Malaysia, yang dilantik di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959;

*Akta 97.*

"Pemegang Amanah Raya" ertinya Pemegang Amanah Raya, Malaysia, yang dilantik di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950;

*Akta 247.*

"pentadbir" ertinya seseorang yang kepadanya surat kuasa mentadbir diberikan;

"pentadbiran" ertinya pentadbiran harta pusaka orang yang mati oleh seseorang wasi atau pentadbir;

"Perbadanan" ertinya perbadanan di bawah nama Amanah Raya Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 menurut seksyen 3;

*Akta 125*

"probet" ertinya suatu pemberian di bawah meterai Mahkamah yang memberikuasa wasi atau wasi-wasi yang dinamakan dalamnya untuk mentadbirkan harta pusaka pewasiat;

"surat kuasa mentadbir" ertinya surat kuasa mentadbir harta pusaka dan barang-barang orang yang mati, sama ada am atau dengan wasiat terlampir;

"tak berwasiat" termasuklah seseorang yang meninggalkan wasiat tetapi mati tak berwasiat tentang apa-apa kepentingan benefisial mengenai hartanya;

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh atau tarikh-tarikh mula berkuatkuasanya kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini di bawah subseksyen 1(2);

"terletakhak", berhubungan dengan harta, termasuk hak mengenai harta yang masa hadapan atau kontingen dan hak persembaian dan lebihan;

"wasi" ertinya seseorang yang kepadanya pelaksanaan wasiat terakhir orang yang mati telah diamanatkan, melalui perlantikan pewasiat.

## BAHAGIAN II

PEMBENTUKAN DAN PEMUNYAAN PERBADANAN DAN  
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELETAKHAKAN

Perbadanan. 3. Maka hendaklah ada suatu Perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 di bawah nama "Amanah Raya Berhad".

Peruntukan-  
peruntukan  
peletakhakan. 4. (1) Tertakluk kepada Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu segala harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Kerajaan Malaysia berkenaan dengan pentadbiran amanah dan harta pusaka yang ditentukan oleh Menteri dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Perbadanan tanpa apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan.

(2) Tiap-tiap harta yang terletak hak pada Perbadanan menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah terletak hak sedemikian pada Perbadanan dengan hakmilik, harta pusaka atau kepentingan dan pemegangan yang serupa sebagaimana ia terletak hak atau dipegang sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak pada Perbadanan menurut kuasa subseksyen (1) boleh, selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Perbadanan atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi Perbadanan atau Pemegang Amanah Raya atau Kerajaan Malaysia memberikan notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai peletakhakan di bawah subseksyen(1)

(4) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak hak pada Perbadanan menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap Perbadanan atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi Perbadanan atau Pemegang Amanah Raya

atau Kerajaan Malaysia memberikan notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(5) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Pemegang Amanah Raya atau Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak atau liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak pada Perbadanan menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, diteruskan oleh atau terhadap Perbadanan.

(6) Segala harta dalam milik atau di bawah kawalan Pemegang Amanah Raya, keseluruhannya atau sebahagiannya, menurut kuasa apa-apa amanah hendaklah pada tarikh peletakhakan berpindah kepada Perbadanan dengan segala kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang berhubung-kait dengannya sebelum sahaja tarikh peletakhakan setakat yang ia tidak tak konsisten dengan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(7) Apa-apa sebutan mengenai Pemegang Amanah Raya atau Pegawai Pentadbir Pusaka dalam mana-mana perintah Mahkamah, suratikatan, kontrak, suratcara atau apa jua pun dokumen lain hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Perbadanan dan segala hak, kuasa, obligasi dan kewajipan yang diberikan, dikenakan, diakujaji atau ditanggung oleh Pemegang Amanah Raya atau Pegawai Pentadbir Pusaka di bawah atau menurut kuasa mana-mana perintah Mahkamah, suratikatan, kontrak, suratcara atau dokumen lain itu hendaklah disifatkan telah diberikan atau dikenakan atau diakujaji atau ditanggung oleh Perbadanan.

5. (1) Sebagai akibat peletakhakan harta, hak dan liabiliti pada Perbadanan di bawah seksyen 4, Perbadanan hendaklah menerbitkan apa-apa syer Perbadanan kepada Menteri Kewangan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan dari semasa ke seraasa selepas berunding dengan Menteri.

Pemegangan  
permulaan  
Kerajaan  
dalam  
Perbadanan.

(2) Syer yang dikehendaki diterbitkan di bawah seksyen ini hendaklah diterbitkan atau diuntukkan pada

bila-bila masa dan atas apa-apa terma tentang penguntukan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri.

(3) Syer yang diterbitkan di bawah seksyen ini—

(a) hendaklah mempunyai nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan; dan

(b) hendaklah diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud-maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia berbayar menurut kuasa pembayaran nilai nominalnya kepada Perbadanan.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Menteri Kewangan menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Pelaburan  
Kerajaan  
dalam  
penerbitan  
selanjutnya  
syer  
Perbadanan.

6. (1) Penerbitan selanjutnya 'akan syer dalam Perbadanan hanya boleh dibuat sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan pada bila-bila masa selepas berunding dengan Menteri.

Akta 61.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Menteri Kewangan berikutan dengan peruntukan 'seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan dan dibenarkan di bawah subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Prosedur Kewangan 1957.

(3) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Duti setem tidaklah bbleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa pertambahan modal Perbadanan yang—

(a) dilaksanakan dengan penerbitan syer; dan

(b) diperakui oleh Perbendaharaan sebagai telah dilaksanakan dengan penerbitan syer yang dimohon beli oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (1).

PERBADANAN AMANAH RAYA11

7. (1) Perbadanan hendaklah menerima sebagai kakitangan. pekerjaanya, pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu ialah anggota kakitangan Pemegang Amanah Raya atau Pejabat Pegawai Pentadbir Pusaka dan yang telah diberikan pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan telah membuat pilihan untuk berkhidmat sebagai pekerja Perbadanan.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang telah membuat pilihan di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja Perbadanan hendaklah diambil kerja oleh Perbadanan atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen (1).

8. (1) Menteri Kewangan boleh, dari semasa ke Kerajaan Malaysia akan memegang kesemua syer dalam Perbadanan.

(2) Syer-syer dalam Perbadanan yang dipegang oleh Menteri Kewangan hendaklah dipegang oleh Menteri Kewangan sebagaimana diperbadankan di bawah Akta *Akta 375*. Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957.

(3) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis lain atau kaedah undang-undang lain, maka tidaklah perlu untuk . menyelesaikan atau mendaftarkan pindahmilik syer daripada jenis yang disebut dalam subseksyen (2) berikutan dengan pertukaran orang yang memegang jawatan Menteri Kewangan.

(4) Menteri Kewangan bolehlah menjalankan segala hak dan kuasa yang berhubung-kait dengan syer dalam Perbadanan yang dipegang olehnya.

(5) Menteri Kewangan boleh, pada bila-bila masa, dengan notis bertulis kepada Setiausaha Syarikat Perbadanan, memberikuasa, atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam notis itu, mana-mana orang yang difikirkannya layak untuk bertindak sebagai

wakilnya pada mana-mana atau semua mesyuarat pemegang syer Perbadanan atau mana-mana golongan pemegang syer, dan mana-mana orang yang diberikuasa sedemikian adalah berhak untuk menjalankan kuasa yang sama, bagi pihak Menteri Kewangan, sebagaimana yang Menteri Kewangan boleh menjalankannya jika dia hadir sendiri pada mesyuarat atau mesyuarat-mesyuarat itu.

Menteri Kewangan hendaklah memegang syer.

9. (1) Menteri Kewangan tidaklah boleh—

- (a) menjual atau selainnya melupuskan mana-mana syer dalam Perbadanan yang dipegang olehnya kepada mana-mana orang; atau
- (b) membenarkan syer dalam Perbadanan diuntukkan kepada mana-mana orang.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) terpakai bagi syer keutamaan boleh tebus yang—

- (a) tidak boleh ditukarkan menjadi syer daripada mana-mana kelas yang lain; dan
- (b) tidak memberikan apa-apa hak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat agung Perbadanan.

### BAHAGIAN III

#### FUNGSI, KUASA DAN KEWAJIPAN PERBADANAN

Objektif.

10. Objektif Perbadanan adalah seperti berikut:

- (a) untuk menjadi suatu organisasi yang menunjukkan rasa tanggungjawab sosial dengan memberikan perhatian kepada kepentingan komuniti Malaysia dan dengan berusaha untuk mengambil kira atau menggalakkan perkara-perkara ini apabila ia boleh berbuat sedemikian; dan
- (b) untuk menjadi secepat dan mencapai keuntungan sebagaimana syarikat-syarikat amanah persendirian.

11. (1) Jika sesuatu Mahkamah, Kerajaan Malaysia atau seseorang di dalam atau di luar Malaysia mempunyai kuasa untuk melantik seorang pemegang amanah, wasi, pentadbir, penjaga, sahabat wakil, ejen, wakil, penerima, penerima dan pengurus atau pelikuidasi atau untuk membuat apa-apa perlantikan lain yang bersifat fidusiari, Perbadanan bolehlah dilantik sedemikian.

Perlantikan  
Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh bertindak sama ada bersendirian atau bersesama mana-mana orang atau kumpulan orang atas apa-apa sifat yang ia dilantik dan hendaklah mempunyai kuasa, kewajipan dan liabiliti yang sama dan adalah berhak kepada hak dan kekebalan yang sama dan hendaklah tertakluk kepada kawalan dan perintah Mahkamah yang sama sebagaimana orang persendirian yang bertindak atas sifat itu.

(3) Perbadanan tidak boleh enggan menerima apa-apa perlantikan semata-mata atas alasan kecilnya nilai harta yang dengannya perlantikan itu berhubungan.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Perbadanan untuk enggan menerima apa-apa perlantikan boleh, dalam tempoh empat belas hari dari keputusan itu, merayu kepada Menteri secara bertulis dan keputusan Menteri atas rayuan itu adalah muktamad.

12. (1) Perbadanan boleh dilantik menjadi pemegang amanah apa-apa wasiat atau berian atau suratcara lain yang mewujudkan amanah atau untuk melaksanakan apa-apa amanah atau kewajipan yang tergolong dalam kelas yang ia dibenarkan untuk menerima, dan boleh dilantik sedemikian sama ada wasiat atau berian atau suratcara lain yang mewujudkan amanah atau kewajipan itu dibuat atau mula berkuatkuasa sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan, dan sama ada sebagai pemegang amanah asal atau baru, atau sebagai pemegang amanah tambahan, dalam hal yang sama dan dengan cara yang sama dan oleh orang atau Mahkamah yang sama seolah-olah ia adalah orang persendirian yang bertindak atas sifat itu.

Perlantikan  
Perbadanan  
sebagai  
pemegang  
amanah atau  
wasi.

(2) Walaupun pada hakikatnya mana-mana wasiat, berian atau suratcara lain yang mewujudkan amanah atau kewajiban membuat peruntukan bagi atau mengarahkan atau menghendaki perlantikan dua pemegang amanah atau lebih, Perbadanan boleh dilantik dan bertindak dengan sah sebagai pemegang amanah tunggal.

*Akta 208.*

(3) Jika Perbadanan telah dilantik sebagai pemegang amanah apa-apa amanah, seorang pemegang amanah bersama boleh bersara daripada amanah itu di bawah dan mengikut seksyen 43 Akta Pemegang Amanah 1949, walaupun tidak terdapat lebih daripada dua orang pemegang amanah dan tanpa apa-apa persetujuan yang dikehendaki oleh seksyen itu.

(4) Perbadanan tidak boleh dilantik sama ada sebagai pemegang amanah baru atau tambahan jika wasiat, berian atau suratcara lain yang wujudkan amanah atau kewajiban itu mengandungi arahan yang bertentangan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(5) Notis mengenai apa-apa cadangan perlantikan Perbadanan sama ada sebagai pemegang amanah baru atau tambahan hendaklah, jika praktik, diberikan kepada semua orang yang mempunyai kepentingan benefisial yang bermastautin di Malaysia dan yang alamat mereka diketahui oleh orang yang bercadang membuat perlantikan itu, atau, jika benefisiari itu ialah orang yang belum dewasa, kepada penjaga mereka.

(6) Jika mana-mana orang yang kepadanya notis itu telah diberikan memohon kepada Mahkamah dalam tempoh dua puluh satu hari dari penerimaan notis itu, Mahkamah boleh, jika setelah mengambil kira kepentingan semua benefisiari ia memikirkan bahawa adalah suaimanfaat dibuat sedemikian, membuat perintah melarang perlantikan itu dibuat:

Dengan syarat bahawa kegagalan untuk memberikan apa-apa notis sedemikian tidaklah mentaksahkan apa-apa perlantikan yang dibuat di bawah seksyen ini.

**13.** (1) Perbadanan boleh, atas permohonannya sendiri atau atas permohonan mana-mana orang lain, diberikan probet bagi wasiat atau surat kuasa mentadbir oleh Mahkamah.

Pembenan probet dan surat kuasa mentadbir kepada Perbadanan.

(2) Mahkamah hendaklah menganggap Perbadanan sebagai sama-sama berhak di sisi undang-undang dengan mana-mana orang lain atau golongan orang lain untuk mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir, kecuali bahawa persetujuan atau perintah Perbadanan tidaklah dikehendaki bagi pemberian surat kuasa mentadbir kepada mana-mana orang lain dan bahawa antara Perbadanan dan duda, balu atau waris kadim si mati, duda, balu atau waris kadim itu hendaklah diberikan keutamaan, melainkan jika atas alasan yang baik yang berlawanan ditunjukkan.

**14.** (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial, melantik Perbadanan, jika alasan yang mencukupi ditunjukkan, sebagai ganti kesemua atau mana-mana wasi, pentadbir atau pemegang amanah yang sedia ada.

Perlantikan Perbadanan sebagai ganti wasi, dsb.

(2) Mana-mana wasi yang telah mendapat probet atau mana-mana pentadbir yang telah mendapat surat kuasa mentadbir atau mana-mana pemegang amanah boleh, dengan keizinan Mahkamah dan setelah memberikan apa-apa notis kepada orang yang mempunyai kepentingan benefisial sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, dan walaupun dia telah bertindak dalam mentadbirkan harta pusaka si mati atau harta amanah itu, memindahkan harta pusaka atau harta amanah itu kepada Perbadanan bagi pentadbirannya sama ada secara tunggal atau bersesama wasi, pentadbir atau pemegang amanah yang berterusan, jika ada.

(3) Perintah Mahkamah yang memberikan keizinan mengenai pemindahan itu hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, memberi kepada Perbadanan segala kuasa wasi, pentadbir atau pemegang amanah.

(4) Wasi, pentadbir atau pemegang amanah itu tidaklah dalam apa-apa cara bertanggung berkeenaan

dengan apa-apa perbuatan atau keingkaran berhubungan dengan harta pusaka atau harta amanah itu selepas tarikh perintah itu selain daripada perbuatan atau keingkarannya sendiri atau perbuatan atau keingkaran orang yang selain daripada dirinya yang ke atas kelakuannya dia adalah bertanggungjawab di sisi undang-undang.

Perbadanan boleh memohon bagi mendapatkan pemberian apabila pemberi gagal mengambil surat kuasa memadbir.

**15.** Dalam hal-hal yang berikut, iaitu—

- (a) jika mana-mana orang yang telah menerima pemberian surat kuasa mentadbir mengabaikan, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberian itu, untuk memberikan apa-apa jaminan yang dia dikehendaki memberikan menurut undang-undang; atau
- (b) jika seseorang pentadbir telah gagal untuk mengambil pemberian surat kuasa mentadbir dalam tempoh yang munasabah selepas perintah dibuat bagi pemberian untuk mengeluarkan,

Perbadanan boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengetepikan perintah bagi pemberian itu dan supaya memberikan surat kuasa mentadbir harta pusaka itu kepada dirinya,

Perbadanan boleh mengambil milik harta.

**16.** (1) Perbadanan boleh, sebaik sahaja ia mengetahui atas apa-apa keterangan yang difikirkannya mencukupi bahawa mana-mana orang telah meninggal dunia tak berwasiat dengan meninggalkan harta di Malaysia, dengan serta-merta mengambil milik harta itu dan memperuntukkan bagi jagaan selamatnya sehingga surat kuasa mentadbir diberikan oleh Mahkamah.

(2) Mana-mana orang yang tanpa kuasa atau alasan yang sah mengalihkan atau cuba mengalihkan mana-mana bahagian harta itu atau memusnahkan, menyembunyikan atau enggan menyerahkan harta itu kepada Perbadanan apabila diminta, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda

tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.

(3) Tiada guaman boleh dibawa terhadap Perbadanan atau mana-mana pegawainya bagi apa-apa jua yang dilakukan oleh Perbadanan berhubungan dengan mana-mana harta sedemikian di bawah kuasa atau pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan akan kuasa-kuasa yang terletak pada Perbadanan' oleh subseksyen (1); tetapi mana-mana orang-yang terkilari dengannya boleh membuat permohonan kepada Mahkamah bagi tebus rugi.

17. (1) Bilamana mana-mana orang meninggal dunia, sama ada berwasiat atau tak berwasiat, dengan meninggalkan harta alih di Malaysia dan Perbadanan berpuas hati selepas apa-apa penyiasatan yang difikirkannya mencukupi—

Pentadbiran  
terus harta  
alih.

- (a) bahawa nilai keseluruhan harta itu tanpa ditolak hutang, tetapi tidak termasuk nilai apa-apa harta yang dimiliki si mati atau yang si mati berhak kepadanya sebagai pemegang amanah dan bukan secara benefisial, tidak melebihi enam ratus ribu ringgit; dan
- (b) bahawa tiada orang berhak memohon kepada Mahkamah bagi pemberian probet bagi wasiat atau tiada petisyen bagi surat kuasa mentadbir yang belum selesai,

Perbadanan hendaklah, atas permohonan orang yang membuat tuntutan ke atas harta itu dan jika difikirkannya patut dibuat sedemikian, secara bertulis mengisytiharkan bahawa ia mengakujaji untuk mentadbirkan harta itu, dan sesudah itu Perbadanan adalah diberikan kuasa untuk mentadbirkan harta itu seolah-olah surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka orang yang mati itu telah diberikan kepada Perbadanan, dan resit Perbadanan hendaklah menjadi pelepasan yang mencukupi bagi mana-mana orang yang membayar apa-apa wang atau yang menyerahkan apa-apa harta kepada

Perbadanan; dan notis mengenai tiap-tiap perisytiharan sedemikian hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang sesuai.

- (2) (a) Apabila Perbadanan berpuas hati bahawa nilai apa-apa harta yang disebut dalam subseksyen (1) tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, ia bolehlah mengarahkan supaya harta itu atau mana-mana bahagiannya diserahkan kepada mana-mana orang atau orang-orang apabila berpuas hati tentang hakmilik pihak yang menuntut dan nilai harta itu melalui sumpah atau ikrar pihak yang menuntut atau melalui apa-apa keterangan lain yang dikehendaki oleh Perbadanan dan Perbadanan bolehlah mengikut budi bicaranya mengambil apa-apa jaminan yang difikirkannya patut bagi pentadbiran sewajarnya akan harta itu atau perlindungan hak mana-mana orang lain.
- (b) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menjejaskan hak mana-mana orang untuk mendapatkan kesemua atau mana-mana bahagian harta yang diserahkan di bawah perenggan (a) daripada orang yang kepadanya ia telah diserahkan.
- (c) Jika harta itu tidak ketara nilainya atau nilainya, pada pendapat Perbadanan, adalah sebegitu kecil hingga menjadikannya tak praktik untuk dijual, Perbadanan bolehlah mengarahkan supaya harta itu dimusnahkan atau selainnya dilupuskan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Perbadanan oleh seksyen ini tidaklah menjejaskan kuasa-kuasa untuk menguruskan, tanpa pemberian probet bagi wasiat atau surat kuasa mentadbir, harta orang yang mati yang diberikan kepada mana-mana orang lain oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain:

Dengan syarat bahawa tiap-tiap orang sedemikian hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada

Perbadanan penjelasan penuh dan benar mengenai apa-apa harta yang diuruskannya dan hendaklah, jika dikehendaki sedemikian, membayar atau menyerahkan kepada Perbadanan apa-apa wang atau harta lain yang masih di bawah kawalannya.

(4) Pada bila-bila masa sebelum pembahagian mana-mana bahagian harta itu antara benefisiarinya di bawah seksyen ini, Perbadanan boleh, jika difikirkannya suaimanfaat dibuat sedemikian, walau apa pun apa-apa perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1), enggan untuk terus mentadbirkan harta dalam tangannya sehingga suatu perintah pembahagian atau pemberian probet atau pemberian surat kuasa mentadbir diperolehi berkenaan dengan harta pusaka si mati.

(5) Hasil penjualan apa-apa harta yang diterima oleh Perbadanan mengikut subseksyen 23(2) Akta Polis 1967 *Akta 344* hendaklah diuruskan mengikut cara yang sama sebagaimana yang harta itu diperintahkan oleh seksyen ini supaya diuruskan.

(6) Seksyen ini tidaklah terpakai dalam hal harta si mati yang baginya Bahagian III atau IV Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 terpakai, tetapi, tertakluk kepada yang disebut terdahulu, hendaklah terpakai bagi semua Negeri. *Akta 98.*

18. (1) Jika—

- (a) nilai harta tanpa ditolak hutang, tetapi tidak termasuk nilai apa-apa harta yang dimiliki si mati atau yang kepadanya dia berhak sebagai pemegang amanah dan bukan secara benefisial, tidak melebihi lima ribu ringgit;
- (b) Perbadanan mendapati bahawa orang yang berhak secara benefisial ialah orang yang berpendapatan kecil; dan
- (c) Perbadanan boleh mentadbirkan harta pusaka itu di bawah seksyen 17,

Pentadbiran  
harta pusaka  
yang kecil  
nilainya.

maka Perbadanan hendaklah mentadbirkan harta pusaka itu di bawah seksyen 17.

(2) Jika prosiding telah dimulakan di mana-mana Mahkamah bagi pentadbiran sesuatu harta pusaka dan oleh sebab kecilnya nilai harta pusaka itu Mahkamah mendapati bahawa harta pusaka itu boleh ditadbirkan dengan lebih ekonomi lagi oleh Perbadanan berbanding dengan oleh Mahkamah atau bahawa atas apa-apa sebab lain adalah suaimanfaat harta pusaka itu ditadbirkan oleh Perbadanan dan tidak oleh Mahkamah, maka Mahkamah boleh memerintahkan supaya harta pusaka itu ditadbirkan oleh Perbadanan, dan sesudah itu, tertakluk kepada apa-apa arahan Mahkamah, seksyen 17 hendaklah terpakai seolah-olah pentadbiran harta pusaka itu telah diakujanji oleh Perbadanan di bawah seksyen 17.

Pembayaran bagi penyenggaraan orang belum dewasa.

19. (1) Jika apa-apa harta yang nilainya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dipegang oleh Perbadanan, sama ada menurut kuasa suatu pemberian surat kuasa mentadbir kepada Perbadanan atau menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberikan kepada Perbadanan oleh Akta ini, dan harta itu dipegang oleh Perbadanan atas amanah bagi mana-mana orang bagi apa jua pun kepentingan, sama ada terletak hak atau kontingen, maka, tertakluk kepada apa-apa kepentingan atau gadaian terdahulu yang menyentuh harta itu, Perbadanan boleh, mengikut budi bicaranya sendiri, semasa mana-mana orang sedemikian belum dewasa, membuat pembayaran daripada kesemua atau mana-mana bahagian pendapatan dan wang modal harta itu sebagaimana yang munasabah dalam segala hal keadaan itu bagi penyenggaraan, pendidikan atau faedah orang itu.

(2) Jika nilai harta yang dipegang sedemikian melebihi empat puluh ribu ringgit, Perbadanan boleh membuat pembayaran daripada wang modal sehingga takat dua puluh ribu ringgit.

(3) Pembayaran di bawah subseksyen (1) dan (2) boleh dibuat kepada ibu atau bapa atau penjaga orang

itu atau selainnya sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan mengikut budi bicaranya dan sama ada terdapat atau tidak terdapat—

- (a) apa-apa wang lain yang boleh digunakan bagi maksud yang sama; atau
- (b) mana-mana orang yang terikat oleh undang-undang untuk memperuntukkan bagi penyenggaraan atau pendidikan orang itu.

20. Jika, apabila selesainya pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berwasiat atau tak berwasiat, masih terdapat dengan Perbadanan wang yang tidak dapat dilupuskan serta-merta olehnya melalui pembahagian mengikut undang-undang oleh sebab ketakdayaan orang yang berhak itu untuk memberikan pelepasan, kerana kurang keupayaan di sisi undang-undang atau selainnya, atau oleh apa-apa sebab lain yang didapati mencukupi oleh Perbadanan, maka Perbadanan boleh menggunakan wang itu bagi faedah orang itu dan boleh bagi maksud itu menjalankan segala kuasa di bawah seksyen 19.

Wang tak dibahagikan.

21. (1) Perbadanan boleh, atas permohonannya sendiri atau atas permohonan mana-mana orang lain melalui saman, dilantik oleh Mahkamah untuk bertindak sebagai sahabat wakil mana-mana orang belum dewasa bagi maksud memulakan apa-apa guaman atau prosiding atas nama orang belum dewasa itu.

Perbadanan boleh mewakili orang belum dewasa.

(2) Jika dalam apa-apa guaman atau prosiding yang belum selesai adalah didapati perlu untuk menambah seseorang orang belum dewasa sebagai plaintif bersama, maka Mahkamah boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan Perbadanan atau mana-mana orang lain, melantik Perbadanan untuk bertindak sebagai sahabat wakil orang belum dewasa itu dalam guaman atau prosiding itu.

(3) Dalam apa-apa guaman atau prosiding yang dalamnya seseorang orang belum dewasa ialah defendan atau yang dalamnya adalah didapati perlu untuk

menambah seseorang orang belum dewasa sebagai defendan bersama, maka Mahkamah boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan Perbadanan atau mana-mana orang lain, melantik Perbadanan untuk bertindak sebagai penjaga kepada orang belum dewasa itu bagi maksud-maksud guaman atau prosiding itu.

(4) Mahkamah tidaklah boleh membuat apa-apa perintah di bawah seksyen ini melainkan jika Perbadanan telah diberikan peluang untuk didengar dan peruntukan dibuat sehingga memuaskan hati Mahkamah bagi pembayaran kos Perbadanan atas dasar kos antara peguamcara dan klien dan bagi pembayaran apa-apa kos yang mungkin diawardkan terhadap atau diarahkan supaya dibayar oleh Perbadanan.

(5) Dalam apa-apa guaman atau prosiding yang dalamnya Perbadanan dilantik di bawah seksyen ini untuk bertindak bagi pihak seseorang orang belum dewasa, tiada kos boleh didapatkan daripada Perbadanan.

(6) Dalam seksyen ini "guaman" ertinya sesuatu tindakan atau guaman bagi pentadbiran harta pusaka mana-mana orang yang mati atau sesuatu amanah, dan "prosiding" ertinya prosiding di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

*P.U. (A)*  
*50/80.*

Agensi.

22. Maka adalah sah bagi Perbadanan untuk bertindak di bawah apa-apa suratikatan atau suratcara yang melaluinya Perbadanan dilantik sebagai ejen atau wakil bagi mana-mana orang, dan segala kuasa yang diberikan kepada Perbadanan oleh mana-mana suratikatan atau suratcara itu bolehlah dijalankan oleh mana-mana pegawai Perbadanan yang ditetapkan oleh Perbadanan bagi maksud itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan memberikuasa mana-mana orang untuk memberi kepada Perbadanan apa-apa kuasa yang tidak boleh diwakilkan dengan sah olehnya.

## BAHAGIAN IV

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

## PENGAL 1

*Akaun Bank dan Kuasa untuk Melabur*

23. (1) Perbadanan boleh menubuhkan dan menyimpan di dalam mana-mana bank atas namanya— Akaun bank.

- (a) suatu akaun am yang di dalamnya wang amanah boleh secara sementara disimpan sementara menunggu pelaburannya; dan
- (b) seberapa banyak akaun khas dan amanah yang perlu bagi membolehkan Perbadanan melaksanakan kewajipan dan fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya.

(2) Apa-apa amaun yang merupakan baki kredit bagi akaun am Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah dipindahkan kepada akaun am yang ditubuhkan di bawah perenggan (1)(a).

24. Tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian daripada ini, Perbadanan boleh melabur apa-apa wang sama ada— Kuasa untuk melabur.

- (a) atas akaun berasingan bagi harta pusaka, amanah, harta atau orang yang olehnya wang itu dipunyai;
- (b) di dalam Kumpulan Wang Bersama; atau
- (c) di dalam mana-mana Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan.

## PENGAL 2

*Kumpulan Wang Bersama*

25. (1) Tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian daripada ini, segala wang modal yang ada bagi pelaburan yang dipegang oleh Perbadanan selepas Pembentukan Kumpulan Wang Bersama.

tarikh yang ditetapkan, hendaklah menjadi satu Kumpulan Wang Bersama dan hendaklah dilaburkan dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah.

*Akta 247.*

(2) Apa-apa akaun yang merupakan baki kredit Kumpulan Wang Bersama yang ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Pemegang Amanah Raya 1950 sebagaimana berkuatkuasa sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah pada tarikh yang ditetapkan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Bersama.

(3) Tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian daripada ini, apa-apa pelaburan wang modal kepunyaan mana-mana harta pusaka yang dipegang oleh Perbadanan selepas tarikh yang ditetapkan, bolehlah diambil alih dan dimasukkan ke dalam akaun pelaburan Kumpulan Wang Bersama.

(4) Semua pelaburan yang diambil alih di bawah subseksyen (3) hendaklah diambil alih pada kadar pasaran yang terpakai pada tarikh pengambilalihan itu, ditolak apa-apa bunga yang terakru pada tarikh itu, dan tiada pelaburan sedemikian boleh diambil alih melainkan jika ia adalah suatu pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah dan, pada pendapat Perbadanan, berkemungkinan akan terus menjadi boleh hasil dengan mudah. Bagi maksud-maksud subseksyen ini, bunga hendaklah disifatkan terakru dari hari ke hari dan boleh dibahagikan berkenaan dengan masa dengan sewajarnya.

(5) Apa-apa pelaburan yang dibuat atas akaun Kumpulan Wang Bersama atau dimasukkan ke dalam akaun pelaburannya tidaklah boleh dibuat atau dipegang atas akaun atau menjadi kepunyaan mana-mana harta pusaka tertentu.

Ketakmasukan ke dalam Kumpulan Wang Bersama.

26. Yang berikut tidaklah termasuk atau menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Bersama:

(a) wang yang secara nyata atau secara implikasi yang perlu adalah ditegah daripada

dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Bersama atau diarahkan supaya dilaburkan dalam pelaburan yang selain daripada yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah;

- (b) pelaburan yang dipegang oleh Perbadanan yang tidak diambil alih di bawah subseksyen 25(3);
- (c) wang yang menjadi sebahagian daripada mana-mana harta pusaka yang ditadbirkan oleh Perbadanan atau yang dipegang oleh Perbadanan sebagai pelikuidasi, penerima, penerima dan pengurus, ejen atau atas apa-apa sifat fidusiari yang lain, yang pada pendapat Perbadanan setelah mengambil kira hal keadaan yang dalamnya ia memegang wang itu dan jangka masa yang baginya wang itu tersedia untuk dilaburkan, tidak patut dilaburkan dalam Kumpulan Wang Bersama.

27. (1) Bunga yang kena dibayar berkenaan dengan wang modal yang menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Bersama hendaklah pada kadar yang munasabah yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri dengan mengambil kira pendapatan Kumpulan Wang Bersama yang boleh dibahagikan dan kemampuan Kumpulan Wang Bersama dan Kumpulan Wang Rizab Am untuk menjelaskan segala bayaran yang dikehendaki dibuat.

Pembayaran bunga atas wang modal dalam Kumpulan Wang Bersama.

(2) Kadar itu bolehlah disemak setiap suku tahun.

(3) Bunga yang kena dibayar daripada Kumpulan Wang Bersama hendaklah dikreditkan setiap setengah tahun kepada harta pusaka masing-masing:

Dengan syarat bahawa Perbadanan boleh, mengikut budi bicaranya, mengkreditkan bunga itu pada apa-apa lat tempoh yang lebih kerap yang difikirkannya patut dalam hal mana-mana harta pusaka tertentu.

Liabiliti  
Perbadanan.

28. (1) Perbadanan adalah bertanggung untuk membayar apa-apa tuntutan yang sah ke atas Kumpulan Wang Bersama yang tidak dapat dijelaskan daripada Kumpulan Wang Bersama atau daripada Kumpulan Wang Rizab Am sama ada tuntutan itu berhubungan dengan wang modal atau pendapatan.

(2) Wang modal yang boleh dituntut oleh mana-mana harta pusaka termasuklah wang daripada harta pusaka itu yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Bersama dan jika pelaburan telah diambil alih di bawah subseksyen 25(3) ia termasuklah juga nilai pelaburan itu sebagaimana yang ditentukan mengikut peruntukan subseksyen 25(4).

Kumpulan  
Wang Rizab  
Am.  
Akta 247.

29. (1) Apa-apa amaun yang merupakan baki kredit kumpulan wang rizab yang ditubuhkan di bawah subseksyen 14(4) Akta Pemegang Amanah Raya 1950 sebagaimana berkuatkuasa sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah pada tarikh yang ditetapkan dipindahkan kepada kredit Kumpulan Wang Rizab Am.

(2) Perbadanan boleh mengarahkan supaya mana-mana bahagian baki pada kredit akaun pendapatan Kumpulan Wang Bersama pada akhir tahun yang terdahulu (selepas ditolak bunga yang kena dibayar kepada benefisiari dan tanggungan sah yang lain) dibawa kepada kredit Kumpulan Wang Rizab Am.

(3) Kumpulan Wang Rizab Am hendaklah digunakan untuk—

- (a) menjelaskan kerugian yang timbul daripada pelupusan pelaburan Kumpulan Wang Bersama;
- (b) mengekalkan kadar yang munasabah bagi pembayaran bunga atau pembayaran bunga yang ditetapkan atas wang modal dalam Kumpulan Wang Bersama;
- (c) menjalankan maksud-maksud am Kumpulan Wang Bersama; atau

(d) apa-apa maksud lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui kaedah-kaedah.

(4) Kumpulan Wang Rizab Am boleh dilaburkan oleh Perbadanan dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah atau boleh didepositkan di dalam mana-mana bank.

### PENGGAL 3

#### *Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan*

30. (1) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri Kewangan dan Menteri, menubuhkan dan menyimpan, sebagai tambahan kepada dan berasingan daripada Kumpulan Wang Bersama, satu kumpulan wang atau lebih yang setiap satunya hendaklah dipanggil Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan. Jika lebih daripada satu Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan ditubuhkan sedemikian, setiap Kumpulan Wang itu hendaklah diberikan nama atau nombor yang sesuai yang membezakannya.

Pembentukan  
Kumpulan  
Wang  
Pelaburan  
Kumpulan.

(2) Segala wang yang menjadi sebahagian daripada mana-mana Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan hendaklah dilaburkan dalam apa-apa kelas atau kelas-kelas pelaburan yang ditentukan oleh Perbadanan pada masa Kumpulan Wang itu ditubuhkan, yang merupakan pelaburan yang dibenarkan oleh suratcara atau kuasa lain yang melaluinya wang itu dipegang atau apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah.

(3) Tertakluk kepada seksyen ini, jika wang mana-mana harta pusaka berada dalam miliknya dan tersedia untuk dilaburkan tetapi tidak dilaburkan dalam Kumpulan Wang Bersama, maka Perbadanan bolehlah melaburkan wang itu dalam mana-mana Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulannya yang dalamnya wang itu boleh dilaburkan dengan sah jika wang itu tidak diarahkan supaya dilaburkan mengikut apa-apa cara tertentu yang lain dan pelaburan dalam sesuatu

Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu adalah tidak tak konsisten dengan terma-terma suratcara amanah itu (jika ada) atau kuasa lain yang mengawal wang itu.

(4) Pelaburan yang dibuat daripada wang yang menjadi sebahagian daripada sesuatu Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan tidaklah boleh dibuat atas akaun atau menjadi kepunyaan mana-mana harta pusaka tertentu.

Arahan

31. Menteri Kewangan dan Menteri boleh, dalam meluluskan sesuatu Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan, menimbangkan dan memberikan arahan-arahan kepada Perbadanan berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:

- (a) kebolehcairan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu;
- (b) pembayaran atau penguntukan pendapatan daripada Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu;
- (c) pemegangan modal Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu;
- (d) penilaian modal Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu;
- (e) penggulungan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu oleh Menteri Kewangan dan Menteri bagi perlindungan pelabur-pelabur Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan itu.

Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan bukanlah perkongsian dsb.

32. Sesuatu Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan tidaklah boleh dikira—

- (a) sebagai suatu perkongsian antara orang yang berhak kepada bunga dalam sesuatu Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan; atau
- (b) sebagai suatu skim yang mengeluarkan bunga dalam pengertian Penggal V Bahagian IV Akta Syarikat 1965.

## PENGAL 4

*Fee*

33. (1) Maka hendaklah dikenakan berkenaan dengan tugas-tugas Perbadanan, apa-apa fee, sama ada dengan cara peratusan atau selainnya, yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri.

Fee yang dikenakan oleh Perbadanan.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang di sisi undang-undang boleh disimpan atau dibayar daripada harta amanah oleh seseorang pemegang amanah hendaklah disimpan atau dibayar sedemikian dan fee itu hendaklah disimpan atau dibayar mengikut cara yang sama sebagaimana dan sebagai tambahan kepada perbelanjaan itu.

(3) Beban fee dan perbelanjaan di bawah seksyen ini antara modal dan pendapatan hendaklah ditentukan oleh Perbadanan.

## BAHAGIAN V

## AM

34. Jika apa-apa bon atau jaminan diperlukan daripada orang persendirian atas pemberian kepadanya akan surat kuasa mentadbir atau atas perlantikannya untuk bertindak atas apa-apa sifat, Perbadanan, jika diberikan surat kuasa mentadbir atau dilantik untuk bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, tidaklah dikehendaki memberikan bon atau jaminan sedemikian tetapi adalah tertakluk kepada liabiliti dan kewajipan yang sama seolah-olah ia telah memberikan bon atau jaminan itu.

Pengecualian daripada kena memberi jaminan.

35. Jika nilai sepenuhnya apa-apa harta (tanpa ditolak hutang, tetapi tidak termasuk nilai apa-apa harta yang dimiliki si mati atau yang kepadanya dia berhak sebagai pemegang amanah dan tidak secara benefisial) yang ditadbirkan oleh Perbadanan, sama ada menurut apa-apa suratcara amanah atau wasiat atau menurut kuasa pemberian surat kuasa mentadbir kepada Perbadanan atau menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberikan kepada Perbadanan oleh Akta ini, tidak melebihi enam ratus

Pengecualian daripada kena memberi notis mengenai pembahagian harta.

ribu ringgit, maka tidaklah perlu bagi Perbadanan untuk memberikan notis mengenai niatnya untuk membahagikan harta pusaka itu atau menghendaki mana-mana orang yang berkepentingan untuk menghantar butir-butir mengenai tuntutan terhadap harta pusaka itu, tetapi Perbadanan boleh dengan serta-merta terus memindahhak atau membahagikan harta pusaka itu atau mana-mana bahagiannya kepada atau di kalangan orang-orang yang berhak kepadanya, dengan mengambil kira tuntutan itu sahaja, sama ada formal atau tidak, yang mengenainya Perbadanan telah diberikan notis ketika itu, dan Perbadanan tidaklah, berkenaan dengan harta yang dipindahhak atau dibahagikan sedemikian, bertanggung kepada mana-mana orang yang mengenai tuntutan Perbadanan telah tidak diberikan notis pada masa pemindahhak atau pembahagian itu; tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh—

- (a) menjejaskan hak mana-mana orang untuk mengikuti harta yang merupakan harta yang sama, ke dalam tangan mana-mana orang, selain daripada seorang pembeli, yang mungkin telah menerimanya; atau
- (b) membebaskan Perbadanan daripada apa-apa obligasi untuk membuat carian yang serupa dengan carian yang seorang bakal pembeli patut membuat atau mendapatkan.

Pendaftaran Perbadanan bukanlah notis mengenai amanah.

**36.** Permohonan oleh Perbadanan bagi pendaftaran sebagai anggota atau pemegang syer dalam buku mana-mana syarikat atau kemasukan nama Perbadanan dalam buku mana-mana syarikat tidaklah menjadi notis mengenai sesuatu amanah, dan tiada syarikat berhak untuk membantah kemasukan nama Perbadanan dalam bukunya semata-mata oleh sebab bahawa Perbadanan mungkin atau ialah seorang pemegang amanah, dan, dalam pengurusan harta, hakikat bahawa orang itu atau salah seorang daripada orang yang dengannya ia berurusan ialah Perbadanan tidaklah dengan sendirinya menjadi notis mengenai suatu amanah.

37. (1) Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri akaun tahunan teraudit bagi setiap tahun kewangan dalam apa-apa masa dan bentuk yang ditetapkan oleh Menteri.

Akaun tahunan, dsb.

(2) Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri segala penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta, pelaburan dan aktivitinya yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

38. (1) Perbadanan boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan arahan atas apa-apa perkara yang timbul daripada pelaksanaan mana-mana fungsi atau tugas atau perjalanan mana-mana kuasa Perbadanan di bawah seksyen 15 hingga 21.

Permohonan kepada Mahkamah.

(2) Pelaksanaan mana-mana fungsi atau tugas atau perjalanan mana-mana kuasa Perbadanan di bawah seksyen 15 hingga 21 bolehlah disemak secara kehakiman.

39. Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dalam apa-apa prosiding yang melibatkan Perbadanan, mana-mana pegawai Perbadanan yang diluluskan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* boleh, bagi pihak Perbadanan, memulakan, hadir dalam dan menjalankan prosiding itu dan boleh membuat dan melakukan segala kehadiran, tindakan dan permohonan berkenaan dengan prosiding itu.

Prosiding undang-undang.

40. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan—

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.

(a) apa-apa perkara yang baginya kaedah-kaedah adalah dibenarkan dengan nyata untuk dibuat di bawah Akta ini;

(b) pelaksanaan fungsi-fungsi dan tugas-tugas atau perjalanan kuasa-kuasa Perbadanan di bawah seksyen 15 hingga 21;

- (c) prosedur dan prosiding berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah seksyen 15 hingga 21;
- (d) apa-apa perkara berhubungan dengan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan yang baginya arahan boleh diberikan di bawah seksyen 31; dan
- (e) apa-apa perkara lain secara amnya untuk memberikan kuatkuasa kepada objektif-objektif Akta ini.

(2) Sebelum membuat apa-apa kaedah-kaedah, Menteri hendaklah—

- (a) mengambil kira Bahagian III; dan
- (b) berunding dengan Perbadanan tentang perkara-perkara yang akan diperkatakan dalam kaedah-kaedah itu.

(3) Menteri boleh membuat apa-apa kaedah-kaedah yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh mula berkuatkuasanya Akta ini dan apa-apa kaedah-kaedah itu boleh dibuat sedemikian supaya mempunyai kuatkuasa dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

Kuasa untuk memberikan arahan.

41. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang berbentuk am yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini tentang pelaksanaan fungsi-fungsi atau tugas-tugas dan penjalanan kuasa-kuasa Perbadanan.

Perbadanan hendaklah menyiasat atas arahan

42. Tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk memberikan arahan di bawah seksyen 41, Menteri hendaklah juga mempunyai kuasa untuk mengarahkan Perbadanan menyiasat apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana anggota orang awam terhadap Perbadanan atau mana-mana pegawainya.

Pemansuhan dan kecualian.

43. (1) Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan segala kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya adalah dimansuhkan.

(2) Pemegang Amanah Raya yang merupakan perbadanan seorang yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan Pegawai Pentadbir Pusaka yang merupakan suatu jawatan statutori yang ditubuhkan di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 hendaklah terhenti daripada wujud pada tarikh yang ditetapkan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, segala undang-undang bertulis yang menyentuh Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka dan yang berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan, hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan, terus berkuatkuasa pada dan selepas tarikh yang ditetapkan dan ditafsirkan seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan:

Dengan syarat bahawa apa-apa sebutan dalamnya mengenai Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Perbadanan, dan ungkapan yang mengandungi sebutan itu hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(4) Segala perintah, perlantikan dan pemberitahuan yang dibuat di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, setakat yang ia tidak tak konsisten dengan Akta ini, disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga peruntukan lain dibuat di bawah Akta ini atau sehingga tarikh ia habis tempoh.

(5) Maka dengan ini diisytiharkan bahawa pemansuhan Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan apa-apa pemansuhan peruntukan-peruntukan atau pindaan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 tidaklah menyentuh mana-mana dokumen yang dibuat atau apa jua pun perkara yang dilakukan di bawah peruntukan yang dimansuhkan atau dipinda sedemikian, dan tiap-tiap dokumen atau perkara itu, setakat yang ia wujud

atau berkuatkuasa pada masa pemansuhan atau pindaan itu dan boleh dibuat atau dilakukan di bawah Akta ini, hendaklah berterusan dan mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia telah dibuat atau dilakukan di bawah peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini dan seolah-olah peruntukan itu telah berkuatkuasa apabila dokumen itu dibuat atau perkara itu dilakukan.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, pemansuhan Akta Pemegang Amanah Raya 1950 atau apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini tidaklah menjejaskan hak mana-mana orang untuk mendapat pampasan daripada Kumpulan Wang Disatukan dan hak itu telah berbangkit di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan bagi pindaan undang-undang yang berhubungan dengan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka, membuat peruntukan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka pada suatu syarikat dan untuk mengawalselia pelaksanaan fungsi-fungsi atau tugas-tugas dan penjalanan kuasa-kuasa syarikat itu.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan.

*Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh atau tarikh-tarikh bagi mula berkuatkuasanya Akta.

*Fasal 2* bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang.

3. Bahagian II memperkatakan pembentukan Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965 (*fasal 3*).

*Fasal 4* memperkatakan peletakhakan harta, hak dan Liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Kerajaan Malaysia, berhubungan dengan pentadbiran amanah dan harta pusaka, pada Perbadanan.

*Fasal 5* bertujuan menghendaki Perbadanan menerbitkan syer Perbadanan kepada Menteri Kewangan.

*Fasal 6* bertujuan memperuntukkan bagi penerbitan selanjutnya syer dalam Perbadanan.

*Fasal 7* bertujuan menghendaki Perbadanan menerima ke dalam perkhidmatannya anggota kakitangan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka.

*Fasal 8* bertujuan membolehkan Menteri Kewangan memohon beli atau memperolehi semua syer dalam Perbadanan.

*Fasal 9* bertujuan melarang penjualan atau pelupusan syer atau penguntukan syer dalam Perbadanan yang dipegang oleh Menteri Kewangan.

4. Bahagian III memperkatakan fungsi, kuasa dan kewajipan Perbadanan.

*Fasal 10* memperkatakan objektif-objektif Perbadanan.

*Fasal 11* menyatakan pelbagai kedudukan fidusiari yang kepadanya Perbadanan boleh dilantik. *Fasal 11(3)* bertujuan melarang Perbadanan daripada menolak perlantikan atas sebab kecilnya nilai harta itu. Hak merayu kepada Menteri juga diperuntukkan bagi mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Perbadanan.

*Fasal 12* bertujuan membolehkan Perbadanan dilantik sebagai pemegang amanah dan wasi seolah-olah ia adalah orang persendirian yang bertindak atas sifat itu.

*Fasal 13* bertujuan membolehkan Perbadanan diberikan probet bagi wasiat atau surat kuasa mentadbir oleh Mahkamah.

*Fasal 14* bertujuan memberi Mahkamah kuasa untuk melantik Perbadanan sebagai ganti wasi atau pentadbir atau pemegang amanah yang sedia ada.

*Fasal 15* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk memohon kepada Mahkamah bagi pemberian surat kuasa mentadbir kepada dirinya atas pengabaian atau kegagalan pemberi untuk mengeluarkan pemberian surat kuasa mentadbir.

*Fasal 16* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk mengambil milik harta mana-mana orang yang mati tak berwasiat di Malaysia sehingga surat kuasa mentadbir diberikan oleh Mahkamah. Suatu penalti juga diperuntukkan bagi mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang mengalihkan atau cuba mengalihkan mana-mana bahagian harta itu atau memusnahkan, menyembunyikan atau enggan menyerahkan harta itu atas permintaan Perbadanan.

*Fasal 17* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk mentadbirkan harta alih yang nilainya tidak melebihi enam ratus ribu ringgit apabila tiada orang berhak memohon bagi pemberian probet atau tiada petisyen bagi surat kuasa mentadbir yang belum selesai.

*Fasal 18* memperkatakan pentadbiran harta yang kecil, nilainya.

*Fasal 19* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk membuat pembayaran bagi penyenggaraan, pendidikan atau faedah orang belum dewasa daripada harta yang dipegang oleh Perbadanan.

*Fasal 20* memperkatakan wang yang tak dapat dibahagikan yang ada dalam milik Perbadanan.

*Fasal 21* bertujuan memberikuasa Perbadanan untuk bertindak sebagai sahabat wakil atau penjaga kepada orang belum dewasa dalam sesuatu guaman bagi pentadbiran harta pusaka atau amanah atau dalam prosiding di Mahkamah Tinggi.

*Fasal 22* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk menjadi ejen atau wakil bagi rana-mana orang.

5. Bahagian IV memperkatakan aspek-aspek kewangan Perbadanan.

*Fasal 23* bertujuan membolehkan Perbadanan menubuhkan suatu akaun am dan seberapa banyak akaun khas dan akaun amanah yang perlu bagi penjalanan fungsi-fungsi Perbadanan.

*Fasal 24* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk melaburkan wang.

*Fasal 25* bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk membentuk suatu Kumpulan Wang Bersama yang ke dalamnya semua wang modal yang ada untuk pelaburan yang dimiliki Perbadanan akan dimasukkan.

*Fasal 26* memperkatakan wang yang tidak dimasukkan ke dalam atau menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Bersama.

*Fasal 27* memperkatakan bunga yang kena dibayar atas wang modal yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Bersama.

*Fasal 28* memperkatakan liabiliti Perbadanan jika wang dan bunga tidak dapat dijelaskan daripada wang dalam Kumpulan Wang Bersama dan Kumpulan Wang Rizab Am.

*Fasal 29* menyatakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan Kumpulan Wang Rizab Am dan maksud-maksud yang baginya ia boleh digunakan.

*Fasal 30* bertujuan mengadakan rangka bagi penubuhan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri Kewangan dan Menteri.

*Fasal 31* bertujuan memberi Menteri Kewangan dan Menteri kuasa untuk memberikan arahan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan.

*Fasal 32* bertujuan memperuntukkan bahawa Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan tidaklah dikira sebagai suatu perkongsian atau suatu skim dalam pengertian penggal V Bahagian IV Akta Syarikat 1965.

*Fasal 33* memperkatakan fee yang dikenakan oleh Perbadanan dan yang ditetapkan dengan kelulusan Menteri.

6. Bahagian V memperkatakan peruntukan-peruntukan am.

*Fasal 34* bertujuan mengecualikan Perbadanan daripada kena memberikan jaminan atas pemberian surat kuasa mentadbir atau atas perlantikan untuk bertindak atas apa-apa sifat.

*Fasal 35* bertujuan mengecualikan Perbadanan daripada keperluan memberi notis mengenai pembahagian harta yang bernilai kurang daripada enam ratus ribu ringgit.

*Fasal 36* bertujuan memperuntukkan bahawa pendaftaran Perbadanan dalam buku mana-mana syarikat tidaklah menjadi suatu notis mengenai amanah.

*Fasal 37* bertujuan menghendaki Perbadanan mengemukakan kepada Menteri penyata tahunan, akaun, laporan, dsb.

*Fasal 38* bertujuan membolehkan Perbadanan memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan arahan atas apa-apa perkara yang timbul daripada penjalanan kuasa-kuasa Perbadanan di bawah/osa/ 15 hingga 21 Rang Undang-undang. Penjalanan kuasa-kuasa itu bolehlah juga disemak secara kehakiman.

*Fasal 39* bertujuan memberi pegawai-pegawai dibekkuasa Perbadanan kuasa untuk menghadiri prosiding Mahkamah bagi pihak Perbadanan.

*Fasal 40* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan perkara-perkara secara amnya untuk memberikan kuatkuasa kepada objektif-objektif Akta.

*Fasal 41* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan-arahan berhubungan dengan pelaksanaan tugas-tugas dan fungsi-fungsi atau penjalanan kuasa-kuasa oleh Perbadanan.

*Fasal 42* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan Perbadanan menyiasat apa-apa aduan awam.

*Fasal 43* mengandungi peruntukan pemansuhan dan kecualian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [ PN. (U<sup>2</sup>) 1814.]